

11 MAY 1999

Profil-Halil

HALIL: PENGGERAK PEMBANGUNAN PESAT LANGKAWI

Oleh: NOR HAMMAD WARIMAN

LANGKAWI: Pulau legenda Langkawi bertukar wajah dengan begitu pantas kira-kira sedekad lalu, namun orang yang menjayakan transformasi ini merasakan masih banyak yang perlu dilakukan.

Selepas terbiar sekian lama sebagai tanah kosong yang hanya sesuai untuk hunian merpati, perubahan pesat Langkawi menjadi pusat pelancongan begitu sibuk adalah hasil usaha gigih Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Datuk Abdul Halil Mutalib.

Dilantik ke jawatan itu pada 1990, matlamat terakhir Halil sebelum bersara pada 2001, ialah untuk melihat pertambahan penduduk pulau itu dari 53,000 sekarang ke 100,000 orang.

"Ini visi saya, saya hanya mempunyai dua tahun untuk mengubah gugusan 99 buah pulau ini menjadi destinasi pelancongan unggul di rantau ini," kata beliau.

Dengan penduduk 100,000 orang kelak, Langkawi tidak perlu terlalu bergantung kepada pelancong luar, sebaliknya boleh mengharapkan sumber penggunanya sendiri yang kukuh bila berdepan dengan pelbagai trend ekonomi negara.

Halil, dilihat sebagai penggerak utama wawasan kerajaan pusat bagi pembangunan pulau itu, memiliki ijazah sarjana dalam Dasar Awam dari Universiti Wisconsin, Amerika Syarikat, setelah mendapat diploma dalam pentadbiran awam dari Universiti Malaya.

Beliau dilahirkan di Pasir Salak, Perak dan belajar di Sekolah Inggeris di Teluk Intan sebelum melanjutkan pengajian di Sekolah Alam Shah, Kuala Lumpur.

Adiknya Yusof ialah pengerusi dan pengarah dua syarikat senarai awam, Larut, dan Talam.

Dalam temubual...(ulang)...temubual di pejabatnya dari mana jeti utama Kuah dapat dilihat jelas, Halil mengimbau peristiwa ketika buat pertama kali beliau menjejak kaki di sini pada 1 April, 1990. Ketika itu beliau masih "kurang jelas" apakah pendekatan paling berkesan memajukan pulau itu selaras dengan visi pemimpin negara seperti Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Alhamdulillah...Langkawi dapat dimajukan pada tempo pesat luar biasa sejak penubuhan LADA pada 15 Mac, 1990, sebahagian besarnya kerana saya rasa bebas membuat keputusan dan melaksanakan dasar yang digariskan tanpa campur tangan pelbagai pihak," kata beliau.

Namun Halil bukanlah kakitangan awam sebarangan. Kerjaya cemerlangnya bermula sebagai Penolong Pegawai Daerah, Penolong Setiausaha di Kementerian Pertahanan kepada Jabatan Pelajar Malaysia di Jakarta.

Ini diikuti dengan tugas di Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Beliau banyak belajar dalam bidang seperti pengurusan pembangunan, keperluan politik dan sosio-ekonomi selepas dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Pembangunan Pulau Pinang dan Kedah selama tujuh tahun dari 1984.

Ketika itu beliau mengendalikan pembangunan masyarakat, sosio-ekonomi, infrastruktur dan memantau secara menyeluruh projek-projek pembangunan negeri dan persekutuan.

Halil menimba pengalaman cukup berharga semasa bertugas di Jabatan Perdana Menteri di mana beliau terdedah kepada pelan Dasar Ekonomi Baru negara dan perkara-perkara asas dalam pelan Wawasan 2020 Dr Mahathir.

Ramai pemerhati kerajaan di sini berpendapat Halil memang dipilih

khusus untuk jawatan LADA memandangkan pengalamannya luasnya.

Halil berkata LADA kini berada di peringkat kedua rancangan pembangunannya. Antara projek sosio-ekonomi ialah institusi pengajian tinggi yang akan memperluas asas penduduk bersama projek penggerak utama lain.

Ini akan membolehkan Langkawi menjana pertumbuhannya sendiri dan mewajarkan potensi menarik lebih ramai pelabur.

Dengan asas penduduk yang lebih kukuh, pelabur akan lebih berminat membuka pelbagai bisnes dan menokok-tambah kegiatan utama ekonomi pulau ini, iaitu pelancongan.

Mengimbas kembali sejarah pulau itu pada tahun 1980an, Halil berkata ia merupakan satu hikmah di sebalik kegagalan Promet mengendalikan projek pembangunannya berikutan kemelesetan ekonomi ketika itu.

Ini membantu meyakinkan kerajaan betapa perlunya diwujudkan lembaga tunggal pembangunan untuk memastikan pembangunan dan pertumbuhan projek berterusan untuk jangka panjang. Maka lahirlah LADA.

Beliau berkata Kerajaan menyedari bahawa terlalu banyak jawatankuasa tidak akan berkesan untuk mencapai objektif utama pembangunan pulau ini.

Objektif utama LADA ialah menjadikan Langkawi destinasi pelancongan utama dan mempertingkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk tempatan sebagaimana termaktub dalam Draf Pelan Struktur Langkawi, 1990-2005.

Titik perubahan muncul pada 1987, apabila Kerajaan Persekutuan mengistiyarkan Langkawi sebagai Pulau bebas-cukai.

Dari sebuah pulau terpencil yang terkena sumpahan Mahsuri, sebagaimana menurut legenda, Langkawi kini berubah wajah menjadi destinasi pelancongan terkenal dan tempat yang diminati untuk persidangan dan pameran antarabangsa serta acara sukan.

Pelaburan datang mencurah-curah dan beberapa rangkaian projek dikendalikan di pulau itu.

Harga tanah melambung naik setelah pulau itu melalui pembangunan pesat, sekaligus melahirkan beberapa jutawan sekelip mata di kalangan pemilik tanah tempatan.

Status bebas-cukai yang dinikmati Langkawi bermula 1, Januari, 1987, merangsang pertumbuhan ekonomi, terutama sekali dalam membuka peluang kepada sektor perniagaan, perdagangan dan perkhidmatan.

Peningkatan kunjungan pelancong harus disesuaikan dengan penginapan dan sehingga 1997, terdapat 79 buah hotel, apartmen hotel dan chalet dengan sejumlah 6,800 buah bilik, mencapai sasaran 7,500 yang ditetapkan untuk tahun 2005.

Sehingga 1997, LADA telah membelanjakan RM800 juta untuk membangun pulau ini manakala sektor swasta melabur RM3.4 bilion dalam sektor perumahan, hotel, pusat perniagaan, perdagangan dan rekreasi.

"Tidak dinafikan Langkawi kini membangun sebagai aset utama kepada sektor pelancongan negara di mana penduduk tempatan dan pekerja migran tempatan menikmati taraf hidup meningkat," kata Halil.

Pembangunan Langkawi fasa seterusnya, menurut beliau, ialah untuk memastikan generasi akan datang meraih faedah setara dengan yang dinikmati generasi kini.

Untuk itu, Langkawi perlu menerokai sektor pendidikan bagi memastikan generasi mudanya menikmati kemudahan dan menarik lebih ramai pelajar dari negeri-negeri lain dan juga pelajar luar negara.

Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dan Langkawi University of Tomorrow (LIUT) telah ditubuhkan, di samping kemunculan mendadak tiga kolej swasta.

LIUT akan menawarkan kursus-kursus dari sains angkasa lepas kepada pelancongan dan dari robotik kepada sukan.

LADA juga merancang mewujudkan industri kecil dan sederhana mesra-alam.

Dengan lahirnya industri kecil, penduduk secara tidak langsung akan

bertambah bagi memenuhi permintaan gunatenaga Langkawi.

Halil berkata angkatan tentera juga merancang menubuhkan pangkalan tentera dan laut di sini, dengan itu menyumbang kepada gabungan besar penduduk tempatan dengan pekerja migran.

Dengan pertambahan penduduk, pulau peranginan yang merupakan salah satu daerah yang pesat membangun di negara ini, tidak perlu terlalu bergantung pada pelancong tempatan yang menyumbang sebahagian besar dari hasil RM1.13 bilion dari pelancong bagi 1996.

Setelah sembilan tahun menerajui LADA, hari ini Halil mampu bernafas lega sambil mengukir senyuman. "Saya berpuas hati dengan apa yang telah dicapai tetapi masih banyak yang perlu dilakukan jika diberi peluang dan galakan," jelas beliau.

Menjelang alaf baru, Langkawi memerlukan seorang pegawai yang berkedudukan seperti datuk bandar boleh membuat keputusan mutlak dalam hal penguatkuasaan, perancangan, pelesenan dan pentadbiran untuk menerajui pembangunan seterusnya pulau ini. -- Bernama

nh/kgo/rr/rs